

BAB 2

PEMBINAAN KELUARGA MENURUT AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH.

2.1 PENDAHULUAN

Bab Kedua akan membincangkan secara sepintas lalu pada peringkat awal dalam pembinaan sesebuah keluarga di mana ianya lebih menjurus kepada pembinaan sebuah keluarga Islam. Keluarga merupakan institusi sosial yang terpenting dan ia juga merupakan unit sosial yang utama melalui individu-individu yang diperlengkapkan dengan nilai-nilai kebudayaan, adat dan tradisi. Seterusnya nilai-nilai ini dipelihara dan diwarisi dari satu generasi kepada generasi yang berikutnya.

Keluarga juga merupakan institusi yang terpenting kerana ia bertanggung jawab melahir, mendidik, mengasuh dan membesarkan anggota-anggota masyarakat yang pada suatu masa nanti akan menjadi warganegara di dalam sesebuah negara. Keutuhan dan kerapuhan institusi keluarga mempunyai kesan langsung yang akan menentukan kekuatan rakyat, negara dan ummah.

Melihat kepada faktor inilah, Islam telah memberikan perhatian yang cukup serius di dalam masalah pembinaan dan pembentukan institusi keluarga. Keluarga yang bahagia adalah keluarga yang mendapat keredhaan Allah S.W.T iaitu Allah S.W.T redha kepada mereka dan mereka juga redha kepada Allah S.W.T. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah S.W.T yang berbunyi:

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِعَنْ حَشِيَ رَبِّهِ

Maksudnya: "Allah redha akan mereka dan mereka pun redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah) Tuhan-Nya."

Sūrah al-Bayyinah (98) : 8.

2.2 ASAS PEMBINAAN KELUARGA MENURUT AL-QUR'AN

Islam telah menggariskan lima asas penting yang perlu dipatuhi dalam pembentukan institusi keluarga Islam. Lima perkara penting inilah yang akan memandu sesebuah keluarga mencapai keharmonian dan kebahagiaan di dalam rumah tangga agar sentiasa mendapat keredhaan Allah S.W.T dan seterusnya akan memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Asas-asas tersebut ialah:-⁶

2.2.1) Kesatuan asal dan keturunan.

Manusia telah dilahirkan dari punca yang satu iaitu Nabi Adam a.s. Firman Allah S.W.T di dalam kitab-Nya yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّقُوا رِبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَتَقْوَى اللَّهُ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَّقِيبًا

⁶ Abd al-Rahmān, al-Sābūni (1982), *Niżām al-Uṣrah wa Ḥall Muṣykilātuhā fi Ḳaw' al-Islām*, c. 9, Dār al-Tawfiq al-Namūd̄hajiyyah, h. 32-33; Lihat juga Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid et al. (1989), *Undang-undang Keluarga Islam, Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Karya Abazie, h. 2.

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu."

Sūrah al-Nisā' (4): 1.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan di antara lelaki dan perempuan dari segi kejadiannya, di mana kedua-duanya dijadikan daripada punca yang satu iaitu Adam a.s. Kemudian Hawa dijadikan daripada rusuk kiri Adam dan menjadi keturunan bagi lelaki dan wanita.

2.2.2) Cinta dan Kasih sayang

Dalam konteks pembentukan institusi keluarga, perasaan cinta, kasih dan sayang merupakan asas yang penting dalam menjamin perpaduan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga. Di dalam sebuah keluarga, suami mengasihi isteri dan anak-anaknya. Selanjutnya anak-anak pula mengasihi ibu bapa seperti mana mereka dikasihi. Perasaan yang lahir ini akan mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni dan sentiasa mendapat keredhaan Allah S.W.T. Suami isteri dilarang menunjukkan perasaan marah dan bermasam muka kerana perkara yang kecil terutamanya di hadapan anak-anak. Sebaliknya suami isteri perlu saling nasihat-menasihati dan sentiasa bertutur dengan perkataan yang

lembut. Dengan cara ini dapat mengukuhkan lagi ikatan cinta dan kasih sayang yang sedia terjalin dan juga meningkatkan lagi keimanan kepada Allah S.W.T.

2.2.3) Keadilan dan Kesesuaian

Islam telah mengagihkan hak-hak dan kewajipan setiap anggota keluarga dengan penuh adil dan sesuai dengan kemampuan masing-masing. Keadilan yang ditentukan oleh Islam adalah menepati fitrah semulajadi samada lelaki atau perempuan. Allah S.W.T tidak pernah memberatkan hamba-Nya dan tidak akan sekali-kali menganiayai hamba-Nya. Keadilan yang paling jelas ditunjukkan oleh Islam ialah lelaki mempunyai amanah dan tanggungjawab yang lebih berat daripada wanita. Bertepatan dengan itu Allah S.W.T telah menyatakan di dalam firman-Nya yang berbunyi:

الرَّجُلُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka... . . . "

Sūrah al-Nisā' (4): 34.

Keadilan yang seterusnya ialah di segi pembahagian harta pusaka. Hak pusaka bagi kaum lelaki adalah lebih banyak berbanding dengan kaum wanita. Ini adalah disebabkan kaum lelaki diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk memberi

nafkah kepada isteri dan anak-anak. Oleh yang demikian, adalah wajar kiranya lelaki mendapat harta pusaka yang lebih daripada kaum wanita.

2.2.4) Jaminan sosial.

Kepentingan jaminan sosial di dalam pembentukan keluarga Islam bermaksud perlu wujudnya hubungan dua hala di antara anggota keluarga dengan anggota masyarakat pada keseluruhannya dan anggota masyarakat dengan ahli keluarga. Tabiat semulajadi manusia tidak dapat hidup bersendirian dan memerlukan kepada masyarakat kerana kemampuan manusia terbatas. Oleh yang demikian, manusia sentiasa berhajat kepada bantuan dan pertolongan daripada anggota keluarga atau anggota masyarakat yang lain terutama kaum kerabat yang terdekat, jiran dan sahabat handai. Islam menggalakkan seseorang agar menghormati dan menjaga keamanan tetangganya serta menghubungkan silaturrahim. Kepentingan menghubungkan silaturrahim dijelaskan oleh Allah S.W.T sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يَصْلُوْنَ مَا أَمْرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوَصَّلَ وَيَخْتَسِّونَ رَبِّهِمْ وَيَخْتَارُوْنَ سُوءً

الْجِسَاب

Maksudnya: "Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soal jawab dan hitungan amal (pada hari kiamat)."

Sūrah al-Rā'd (13) : 21.

Rasulullah s.a.w juga bersabda yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِنُ حَارَّهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَكُرِّمْ ضَيْفَهُ
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُقْلِّ خَيْرًا أَوْ لِيُصْنَعْ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: “ Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, janganlah menyakiti tetangganya. Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah menghormati tetamunya. Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah berkata benar atau diam ”.⁷

2.2.5) Akidah, Syariat dan Akhlak⁸

Keimanan kepada Allah S.W.T merupakan asas yang amat kukuh dan penting dalam melahirkan institusi kekeluargaan yang sempurna, suci dan unggul. Keimanan kepada Allah S.W.T iaitu percaya kepada Allah S.W.T yang mencipta sekalian alam dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya samada yang lahir mahupun batin. Di samping itu, perlu menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang boleh memudaratkan diri dan keluarga seperti berzinah, minum arak dan makan riba.

Di segi syariat pula, kedua-dua suami isteri telah dipertanggungjawabkan dengan amanah dan kewajipan-kewajipan tertentu di mana mereka tidak dapat lari

⁷ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, Ibn Mājah (selepas ini Ibn Mājah) (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*. j. 2, Kitāb al-Adab, Bāb Ḥaq al-Jiwār , no. hadith 3672, h. 1211.

⁸ Mustafa Hj. Daud (1989), *Institusi Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

daripada melaksanakannya. Tanggungjawab dan tugas ini adalah berasaskan kepada syarak yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Demi membentuk sebuah keluarga Islam yang bahagia mestilah diasaskan kepada akhlak-akhlak Islam. Suami, isteri dan anak-anak perlu mengamalkan akhlak yang mulia seperti mana yang ditetapkan oleh Islam. Pembinaan akhlak di dalam rumah tangga meliputi tiga aspek:

- i) Akhlak dengan Allah S.W.T
- ii) Akhlak dengan manusia.
- iii) Akhlak dengan makhluk lain.

2.3 PERKAHWINAN MENURUT ISLAM

Allah S.W.T menjadikan perkahwinan itu suatu kehendak fitrah manusia dan merupakan *sunnatullah* untuk menambah bilangan umat manusia di atas muka bumi ini. Islam juga telah mengatur masalah pengurusan keluarga dan banyak terdapat ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang menyentuh tentang pengurusan keluarga. Sekiranya batas-batas dan panduan ini ditegakkan di dalam masyarakat Islam maka akan terbentuklah sebuah masyarakat yang hidup dalam erti kata kebahagiaan yang sebenarnya, aman, sejahtera dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Oleh yang demikian, setiap individu dalam keluarga harus memainkan peranan masing-masing dalam memelihara syariat yang telah diatur oleh Allah S.W.T.

Terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w yang menyebut tentang keutamaan perkahwinan. Antaranya firman Allah S.W.T yang berbunyi :

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: "Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasangan-pasangan supaya kamu mengingat akan kebesaran Allah."

Sūrah al-Dhariyāt (51) : 49

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَيْنَ وَحْدَةً

وَرَزْقَكُمْ مِنْ الطَّيِّبَاتِ أَفِإِنَّا طَلِيلٌ بِأُمَّمٍ مُؤْمِنُونَ وَيَنْعِمُ اللَّهُ هُمْ يَكْفُرُونَ

Maksudnya: "Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?."

Sūrah al-Nahl (16) : 72.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ لَيْتَكُمْ

مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنْ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu

mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

Sūrah al-Rūm (30) : 21.

Antara sabda Rasulullah s.a.w yang menggalakkan perkahwinan ialah:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْكَاحُ مِنْ سُنْنِي فَمَنْ لَمْ يَعْمَلْ بِسُنْنِي فَلَيَنْهَا مِنِّي

Maksudnya: Diriwayatkan oleh ‘Aisyah katanya telah bersabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Perkahwinan adalah salah satu sunnahku. Barangsiapa tidak menyukai sunnahku, maka sesungguhnya ia bukanlah dari golonganku.”⁹

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاعَةَ فَلْيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغْضَبُ لِلْبَصَرِ وَأَحْسَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ

Maksudnya: Daripada ‘Abdullah Ibn Mas’ud meriwayatkan bahawa aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “Barang siapa memiliki kemampuan untuk kahwin, hendaklah ia berkahwin. Hal itu lebih membantu menjaga serta melindungi kemanuan. Namun apabila tidak mampu, hendaklah ia berpuasa. Dengan berpuasa syahwatnya akan lemah.”¹⁰

⁹ Ibn Mājah (t.t), *op.cit.*, j. 1, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jāa Fī Faḍl al-Nikāh , no. hadith 1846, h. 592

¹⁰ Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah, al-Tirmidhī (selepas ini al-Tirmidhī) (1981), *Sunan al-Tirmidhī*. j. 3, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jāa Fī Faḍl al-Tazwīj wa al-Hatthi ‘Alaih, no. hadith. 1081, h. 392; Lihat juga Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, Muslim (selepas ini Muslim) (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Ṣyarḥ al-Navawī*. j. 5, c.3. Kitāb al-Nikāh, Bāb Istiḥbāb al-Nikāh Li Man Tāqat Nafsahu Ilaih, no hadith. 1400, h. 185.

عَنْ أَنَسَ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
 وَاللَّهُ إِنِّي لَا خَشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَنْتُمْ كُمْ لَهُ لَكُمْ أَصْوَمُ وَأَفْطَرُ وَأَصْلَى وَأَرْقَدُ
 وَأَنْزُوجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سَيِّئِ فَلَيْسَ بِمِنْ

Maksudnya : Daripada Anas Ibn Malik r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang maksudnya: "Demi Allah, sesungguhnya akulah orang yang paling takut akan Allah di kalangan kamu dan lebih bertakwa kepada-Nya, akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, dan aku juga menunaikan sembahyang dan tidur , dan aku juga berkahwin dengan orang-orang perempuan. Barangsiapa yang tidak suka dengan sunnahku, dia bukanlah dari golonganku."¹¹

2.3.1) HIKMAH DAN MATLAMAT PERKAHWINAN

Perkahwinan dalam syariat Islam bukanlah sesuatu yang mudah di mana ia adalah satu amanah suci dari *Khaliq*, Allah S.W.T dan ia terjadi di atas nama Allah S.W.T dan diatur menurut ketentuan-ketentuan-Nya.

Istilah Nikah itu sendiri menurut hukum syarak ialah *suatu akad di antara suami isteri di mana akad tersebut menghalalkan persetubuhan di antara keduanya*.¹² Akad nikah juga mempertemukan dua insan yang bermartabat

¹¹ Muslim (1998), j. 5, Kitāb al-Nikāh, Bāb Istiḥbāb al-Nikāh Li Man Ṭaqat Nafsuhi Ilaih, no hadith. 1401, h. 185; Lihat juga Abū 'Abd Allāh Muhammād bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah, al-Bukhārī (selepas ini al-Bukhārī) (2001), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Tarhib Fi al-Nikāh, no. hadith. 5063, h. 955.

¹² Hasan Ayyūb (1999), *Fiqh al-Uṣrah al-Muslimah*, T.T.P: Dār al- Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 7

kemanusiaan dalam ikatan suami dan isteri , yang mengandungi ketentuan tentang hak dan kewajipan yang harus sama-sama dipikul.

Para ulama juga telah memberikan pengertian tentang perkahwinan dan di antara yang terbaik ialah '*suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajipan antara kedua-dua mereka*'. Dalam pengertian yang lebih luas, '*perkahwinan adalah satu ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan, untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak.*'¹³

Islam telah menetapkan beberapa matlamat dan hikmah bagi mendirikan rumah tangga. Tujuannya agar setiap pasangan yang akan mendirikan rumah tangga memahami matlamat sebenar pembinaan rumah tangga menurut Islam dan memandu mereka dalam mencari keredhaan Allah S.W.T. Di antara matlamat tersebut ialah:

i) Meneruskan dan memelihara keturunan manusia.¹⁴

Tujuan utama perkahwinan adalah untuk meneruskan keturunan manusia di samping memelihara keturunan tersebut. Perkahwinan adalah satu-satunya

¹³ Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan- Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Penerbit Hizbi, h. 17-18.

¹⁴ 'Abd Allah Nāsiḥ 'Ulwān (1994), *Tarbiyyah al-Awlād fi al-Islām*, j. 1, c. 25. T.T.P : Dār al-Salām, h.36.

kaedah yang disediakan oleh syariat Islam agar sesuatu keturunan itu terus terpelihara dengan baik. Selain daripada itu, hasil daripada perkahwinan seperti mana yang telah diaturkan oleh syariat Islam kepada umatnya, anak-anak sentiasa berbangga dengan garis keturunan ibu dan bapa mereka. Scandainya tidak ada perkahwinan sebagaimana yang ditentukan oleh Islam untuk meramaikan masyarakat dengan anak-anak, maka keturunan dan kemuliaan manusia akan musnah. Firman Allah S.W.T yang berbunyi:

بِأَيْمَانِهِ النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شَعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعَارَفُوا
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ عِلْمٌ خَيْرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

Sūrah al-Hujurāt (49) : 13.

Setelah berkahwin juga manusia akan melahirkan zuriat di mana ianya akan berterusan sehingga ke hari kiamat. Dengan cara ini akan membantu manusia meneruskan tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi ini.¹⁵

¹⁵ ‘Atiyyah Ṣaqar (1980), *Al-Uṣrah Tahta Ri’yah al-Islām*, j. 1, Kuwait: Muassasah al-Sobāḥ, h. 103.

ii) Menimbulkan ketenangan jiwa serta menyuburkan rasa kasih dan sayang.

Berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah al-Rūm yang telah disebutkan sebelum ini, dapat diambil beberapa pengajaran penting iaitu:¹⁶

- i) Kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta menjadikan isteri-isteri dari jenis kita sendiri, iaitu Hawa diciptakan dari tulang rusuk Nabi Adam a.s.
- ii) Isteri adalah lambang ketenteraman jiwa.
- iii) Lahirnya perasaan kasih sayang serta cinta mencintai di antara satu sama lain. Perasaan ini merupakan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada setiap orang. Pengisian cinta itu hendaklah dipenuhi secara sopan dan bertanggungjawab sesuai dengan fitrah manusia sendiri.

Di antara sifat fitrah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia ialah sifat kasih sayang dan cinta mencintai di antara manusia. Manakala perkahwinan adalah merupakan suatu ikatan perjanjian suci yang berlandaskan rasa cinta dan kasih sayang. Allah S.W.T kurniakan melalui ikatan ini rasa kasih dan sayang, ketenangan jiwa dan hati dan kesenangan roh dan jasad.¹⁷

¹⁶ Mohd Rosydi Mohd Yusof (1997), *Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam*, Kelantan: Pustaka Reka, h. 19.

¹⁷ Ahmad Fāiz (1983), *Dusfūr al-Uṣrah fī Zilāl al-Qur'ān*, c. 3. T.T.P: Muassasah al-Riḍāyah, h. 153.

iii) Mewujudkan tanggungjawab bersama.¹⁸

Melalui perkongsian hidup di bawah bumbung yang sama, akan terjalinlah kerjasama di antara suami dan isteri dalam membina keluarga dan mendidik anak-anak. Isteri mempunyai tanggungjawab tertentu sesuai dengan fitrah kejadian wanita dan kemampuannya seperti mengatur rumah tangga, mendidik anak-anak dan menimbulkan ketenangan di dalam jiwa suami. Suami pula mempunyai tanggungjawab tertentu sesuai dengan tabiat dan kemampuannya seperti berusaha mencari nafkah dan berperanan sebagai pemimpin dan pelindung yang bertanggungjawab dalam memenuhi segala hak isteri dan keluarga. Akan wujud juga sikap saling membantu di antara satu sama lain dalam merealisasikan kebahagiaan di dalam rumah tangga. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمُ أُرْبَاءٌ بَعْضٌ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ
الْمُنْكَرِ وَكَيْفَيْمُونَ الصَّلَاةَ وَكَيْتَهُنَّ الرُّكَّاةَ وَيَطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيِّرْ حَمْمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul - Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah ;

¹⁸ al-Sayyid Sabiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2, c. 11. Kaherah: Dār al-Faṭḥ Li al-I'lām al-'Arabi, h.109.

sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Sūrah al-Tawbah (9) : 71.

iv) Memelihara akhlak manusia.¹⁹

Melalui perkahwinan seperti mana yang ditentukan oleh syariat, manusia akan terpelihara dan tidak terjebak kepada keruntuhan akhlak. Adalah menjadi fitrah kejadian manusia di mana mereka cenderung kepada lawan jenisnya. Hanya melalui ikatan perkahwinan manusia dapat menjalinkan hubungan yang dibenarkan oleh Islam dan didasarkan kepada nilai-nilai akhlak yang mulia. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w menyeru kepada umatnya yang mampu agar mereka segera berkahwin seterusnya akan lahirlah budi pekerti yang baik dan akhlak yang mulia di dalam masyarakat.

v) Penyaluran nafsu syahwat.²⁰

Adalah menjadi sunnah Allah S.W.T bahawa lelaki berhajat kepada seorang wanita sebagai teman hidupnya dan begitu juga sebaliknya. Sesuai juga dengan keadaan Allah S.W.T jadikan di dunia ini berpasang-pasangan, ada malam dan siang serta gelap dan terang. Melalui perkahwinan manusia dapat membentengi diri dari godaan syaitan, mengelak keterlanjuran yang didorong oleh keinginan yang sangat kuat, dan menundukkan pandangan mata serta menjaga kemaluan dari yang terlarang.

¹⁹ Abdul Qadir Djaelani (1995), *Keluarga Sakinah*, Surabaya: Bina Ilmu, h. 44.

²⁰ Ghazali (1995), *Nikmatnya Alam Berumah tangga*, Ali Akbar Osman (terj.), Selangor: Cahaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 24.

Selain daripada itu, ianya perlu dilakukan mengikut cara-cara yang telah digariskan oleh Islam, supaya tidak melanggar batas-batas hukum yang telah ditetapkan. Allah S.W.T telah menjelaskan di dalam firman-Nya yang berbunyi:

نِسَاءُكُمْ حَرَثٌ لَّكُمْ فَأَتُواهُنَّا حَرَثَكُمْ أُتْهِي شَيْئَمْ وَقَدْمُوا إِلَيْنَاهُنَّا أَنفُسُكُمْ وَأَتَقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنْكُمْ مُلَاقُوهُ وَيَشَرُّ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu suka dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemui-Nya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman.

Sūrah al-Baqarah (2) : 223.

vi) Mengikuti sunnah para Rasul A.S.²¹

Perkahwinan juga merupakan sunnah para rasul a.s. kerana walaupun mereka menghabiskan banyak masa untuk beribadat kepada Allah S.W.T tetapi perkahwinan bukanlah perkara yang asing bagi mereka. Malah, ia merupakan perkara yang amat dituntut oleh agama. Semua rasul berkahwin kecuali yang diketahui tidak berkahwin hanyalah Nabi ‘Isa a.s dan Nabi Yahya a.s. Malah, hampir semua rasul a.s dari kalangan bangsa Bani Israil berkahwin lebih daripada seorang isteri. Antaranya Nabi Daud a.s mempunyai 100 isteri dan Nabi Sulaiman mempunyai 1000 orang isteri yang terdiri dari 700 orang wanita

²¹ Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1994), *Hukum-hukum Perkahwinan & Kekeluargaan Dalam Islam, Pandangan Daripada Pelbagai Mazhab*, Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h. 5.

merdeka dan 300 orang gundik.²² Allah S.W.T berfirman di dalam kitab suci al-Qur'an yang berbunyi:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرْقَةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ
يَأْتِيَ بِآيَةً إِلَّا يَأْذِنُ اللَّهُ لِكُلِّ أَجْلٍ كِتَابٌ

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan. Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang Rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah. Tiap-tiap satu tempoh dan waktu ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh "Suratan Azali"."

Sūrah al-Rā'd (38) : 13.

2.3.2) KRITERIA DALAM MENENTUKAN CALON SUAMI DAN ISTERI

Kebijaksanaan dalam memilih suami dan isteri merupakan asas kebahagiaan rumah tangga. Islam telah menggariskan beberapa kriteria dalam memilih calon suami atau isteri. Ini adalah penting untuk menjamin kerukunan dan kebahagiaan rumah tangga kerana ibu bapa mempunyai pengaruh yang amat besar dalam menentukan zuriat yang akan dilahirkan.

²² *Ibid.*, h. 6.

2.3.2.1) Memilih Calon Isteri.

Mengenai kriteria dalam memilih calon isteri, Rasulullah s.a.w telah menganjurkan beberapa syarat penting. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تُنْكِحُ النِّسَاءَ لِأَرْبَعٍ

لِمَالِهَا وَلِحَسِيبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَأَظْفَرَ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَّتْ يَدَكَ

*Maksudnya: Daripada Abu Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya wanita itu dinikahi kerana empat perkara, kerana kekayaannya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama, nescaya engkau beruntung."*²³

Berdasarkan hadith di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kriteria dalam memilih jodoh yang baik adalah :-

i) **Agama dan akhlaknya.**

Agama Islam dan akhlak *al-karimah* adalah merupakan syarat mutlak yang semestinya diambil kira dalam menentukan calon isteri. Bagi seorang suami, ia memerlukan seorang isteri yang solehah untuk membantunya menguruskan urusan dunia dan juga akhirat. Bahkan, isteri yang solehah dan beragama akan sentiasa menjaga kemuliaan agamanya, memelihara maruah dan kehormatannya serta melaksanakan hak dan kewajipannya sebagai seorang

²³ al-Bukhāri (2001), Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Akfā' Fī al-Dīn, no. hadith. 5090, h. 959; Lihat juga Muslim (1998), j. 5, Kitāb al-Ridā', Bāb Istiḥbāb Nikāh Dhāt al-Dīn, no hadith. 1466, h. 307.

isteri.²⁴ Di dalam memilih calon isteri *Sayyid Sābiq* telah menyatakan seperti berikut²⁵: “Oleh kerana itu dalam ajaran Islam yang terpenting ialah memilih calon isteri yang solehah, yang dapat dijadikan perhiasan yang baik, yang subur dan melahirkan anak. Dan bukan dianggap wanita yang solehah melainkan orang yang mampu melaksanakan agama dan berpegang teguh dengan prinsip-prinsip ajaran yang mulia.”

ii) **Gadis dan subur keturunannya.**

Seterusnya kriteria kedua yang harus menjadi pedoman dalam menentukan calon isteri ialah gadis dan subur keturunannya. Kesuburan di sini merupakan sesuatu yang penting bertepatan dengan hasrat baginda Rasulullah s.a.w yang bangga dengan bilangan umatnya yang ramai. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَوْجُوا
الْوَدُودَ الْوَلُودَ فَإِنَّمَا مُكَافِرُ بِكُمُ الْأَمْمَةُ

*Maksudnya: Dari pada Ma'qil Ibn Yasar berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: “Kahwinilah wanita-wanita yang penyayang dan banyak anak kerana sesungguhnya aku akan berbangga daripada umat-umat lain kerana banyaknya kamu.”*²⁶

²⁴ Dr. Nāyif bin Hāsyim al-Da'īs (1988), *al-Usrah, Bināhā wa sa'ādatuhā wifqa al-Syar'i ah al-Islāmiyyah*, T.T.P : al- Dār al-Su'ūdiyyah, h. 22.

²⁵ al-Sayyid Sābiq (1994), *op.cit.*, h. 114.

²⁶ Ibn Mājah (t.t.), j. 1, Kitāb al-Nikāh, Bāb Tazwīj al-Harāir wa al-Walūd , no. hadith 1863, h. 599; Lihat juga Abū Dāwūd (1981), j. 2, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Nahy 'An Tazwīj Man Lam Yalid Min al-Nisā', no. hadith 2050, h. 543.

Di samping juga memastikan bahawa kedua-dua suami dan isteri terselamat daripada penyakit kelamin yang boleh menghalang terhasilnya zuriat.

iii) Keturunannya.

Keturunan ayah dan ibu memainkan peranan yang besar dalam menentukan zuriat yang bakal dilahirkan. Seorang suami dan juga isteri perlulah memilih pasangan dari keluarga yang baik-baik. Keturunan keluarga yang baik ialah mereka yang berpegang teguh kepada agama Allah S.W.T dan menjaga akhlaknya. Seorang isteri merupakan pendidik utama kepada anak-anak manakala seorang suami diibaratkan sebagai pembimbing utama terhadap keseluruhan ahli keluarga.

iv) Kecantikannya.

Kecantikan juga merupakan salah satu syarat yang penting dalam menentukan calon isteri tetapi ia bukanlah faktor utama kerana cantik rupa tidak akan kekal dan akan luntur dimakan usia. Walau bagaimanapun, kecantikan adalah sesuatu yang subjektif di mana nilai kecantikan itu berbeza menurut pandangan mata manusia. Apa yang penting, kecantikan seseorang itu boleh membawa ketenangan dan kesenangan hati bagi pasangannya apabila memandang wajah pasangan masing-masing. Walau bagaimanapun, kecantikan wajah belum tentu menjamin kebahagiaan rumah tangga yang dibina. Sebaliknya yang diperlukan ialah keluhuran hati dan kecantikan akhlak serta perangai suami dan isteri.

v) Kekayaannya.

Secara tidak langsung, kekayaan juga menjadi ukuran dalam menentukan penilaian calon isteri atau suami. Walau bagaimanapun, kriteria ini adalah merupakan pelengkap kepada kriteria-kriteria yang dibincangkan sebelum ini. Secara rasionalnya, kekayaan merupakan salah satu faktor yang dapat menjamin dalam membangun kehidupan berumah tangga yang damai dan tenteram. Walau bagaimanapun, kemiskinan bukanlah penghalang kepada sebuah kebahagiaan dan kesenangan di dunia tetapi ia mampu dicapai bagi pasangan yang sentiasa berusaha untuk mencarinya. Setiap pasangan harus redha dengan kemampuan yang ada di samping berusaha untuk meningkatkannya dan juga tidak lupa bersyukur dengan nikmat yang Allah S.W.T kurniakan kepada mereka.

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa Islam telah menggariskan beberapa syarat atau kriteria di dalam memilih calon isteri. Maka, setiap individu harus meletakkan kriteria-kriteria tersebut mengikut kepentingannya demi menjamin kebahagiaan rumah tangga yang akan dibina. Sekiranya kriteria-kriteria seperti kecantikan, kekayaan dan keturunan sahaja yang menjadi penilaian maka tidak hairanlah sekiranya rumah tangga yang dibina sentiasa digangu gugat oleh masalah-masalah yang bakal melanda. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَرْجُحُوا النِّسَاءَ لِحُسْنِهِنَّ فَقَسَى حُسْنُهُنَّ أَنْ يُرْدِيَهُنَّ وَلَا تَرْجُحُوهُنَّ لِأَنْفُسِهِنَّ فَقَسَى

أَمْوَالُهُنْ أَنْ تُطْغِيَهُنْ وَلَكِنْ تَرْوِجُوهُنْ عَلَى الدِّينِ وَلَا مَةٌ خَرْمَاءٌ سَوْدَاءُ ذَاتٌ

دين أفضل

Maksudnya: Diriwayatkan daripada 'Abdullah Ibn 'Amru bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: " Janganlah kamu kahwini perempuan kerana kecantikan mereka, barangkali kecantikan mereka itu akan membinaaskan diri. Dan janganlah kamu kahwini mereka kerana harta-harta mereka, barangkali harta mereka itu akan menyebabkan mereka derhaka, tetapi berkahlwinlah kamu dengan perempuan kerana agama. Seorang sahaya yang hitam, berbibir tebal yang beragama adalah lebih baik".²⁷

2.3.2.2) MEMILIH CALON SUAMI

Islam juga meletakkan hak kepada seorang wanita untuk menentukan siapa yang bakal menjadi suaminya, yang bakal memimpin keluarga dan juga anak-anaknya. Bahkan Islam juga telah menyediakan serba sedikit panduan kepada seorang perempuan dalam memilih suaminya. Ciri-ciri lelaki soleh telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w iaitu:²⁸

- i) Beriman dalam erti kata menjunjung segala perintah agama dan sekaligus meninggalkan tegahan agama.
- ii) Bertanggung jawab kepada isteri dan anak-anak dalam menentukan nilai hidup yang bersandarkan takwa.

²⁷ Ibn Mājah (t.t.), j. 1, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Tazwīj Dhāt al-Dīn , no. hadith 1859, h. 597.

²⁸ Mohd. Rosydi Mohd. Yusof (1997), *op.cit.*, h. 35.

- iii) Memiliki sifat-sifat kepimpinan, kerana lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita dan sekaligus sebagai pelindung keluarga.

Ketiga-tiga sifat di atas hanyalah merupakan sifat-sifat asas yang perlu dimiliki oleh seorang calon suami. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa ciri khusus yang diletakkan oleh Islam ke atas seorang bakal suami. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:-

i) **Agama dan Akhlak**

Rasulullah s.a.w telah meletakkan agama dan akhlak sebagai asas utama dalam memilih suami. Bagi seorang isteri, dia memerlukan suami yang soleh untuk membimbingnya mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ini merujuk kepada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a, di mana Rasulullah s.a.w bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا حَطَبَ إِلَيْكُمْ مَنْ تَرَضَّيْتُمْ دِينَهُ وَخُلُقَّهُ فَزُوْجُوهُ إِنَّمَا تَنْهَىُنَا كُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ عَرِيضٌ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: "Jika (seorang lelaki) datang (untuk meminang anak perempuan kamu) dan kamu berpuas hati dengan agamanya serta akhlaknya, nikahkanlah ia (dengan anak perempuan kamu). Jika

hal itu tidak kamu lakukan maka akan terjadi fitnah di (muka) bumi dan kerosakan yang amat luas".²⁹

Kerosakan dan fitnah yang dimaksudkan di dalam hadith tersebut ialah dapat menghancurkan nasib anak gadis yang solehah jika ia diserahkan sebagai isteri kepada seorang lelaki yang fasik, hanya kerana lelaki itu mempunyai banyak harta atau kedudukan yang tinggi.³⁰

ii) Bukan seorang lelaki yang fasik.³¹

Islam amat melarang seorang wali mengahwinkan anak perempuannya dengan seorang lelaki fasik terutamanya lelaki yang meninggalkan sembahyang, puasa dan kewajipan-kewajipan yang lain.

iii) Tidak memilihkekayaan dan pangkat.³²

Seorang ayah tidak patut memilih seorang lelaki yang hanya berpangkat tinggi dan mempunyai harta yang banyak untuk dinikahkan dengan anak perempuannya. Kedudukan dan pangkat tersebut hanya bersifat pinjaman dan tidak menjamin kebahagiaan di dalam keluarga. Kebahagiaan seorang isteri

²⁹ Ibn Majah (t.t.), j. 1, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Akfā', no. hadith 1967, h. 633; Lihat juga al-Tirmidhi (1981), j. 3, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jāa Idhā Jāakum Man Tarḍawna Dīnahu Fazawwijūh, no. hadith. 1084, h. 394.

³⁰ Muhammad Ali Quthb (2000), *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*, Haji Taib Azamuddien Mohd Taib et al. (terj.), c.10. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 139.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*, h. 142

bergantung kepada keutamaan sifat suaminya dan begitu juga sebaliknya, bukan bergantung kepada kedudukan, pangkat atau kekayaannya. Allah S.W.T berfirman:

وَأَنْكِحُوهَا الْأَيَامِي مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِنَّا يَعْلَمُ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٌ

يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: "Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui."

Sūrah al-Nūr (24): 32.

Rasulullah s.a.w telah memilih calon suami bagi puterinya iaitu seorang lelaki yang bertakwa dan zuhud. Bukti ini ialah perkahwinan Fatimah r.a dengan 'Ali r.a merupakan perkahwinan yang memberi kebahagiaan dan keberkatan.³³

iv) Seorang lelaki Muslim.³⁴

Adalah menjadi satu tegahan menghwickan seorang perempuan Islam dengan lelaki bukan Islam, samada dari kalangan ahl al-Kitab, musyrik atau pun kafir. Perkara ini amat jelas dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam firman-Nya:

³³ *Ibid.*, h. 143.

³⁴ *Ibid.*, h. 147.

..... وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدَ مُؤْمِنٍ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكٍ
 وَلَوْ أَعْجَبْكُمْ أَوْلِئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُ إِلَى الْحَيَاةِ الْأَنْفَاسِ
 وَبَيْنَ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).

Sūrah al-Baqarah (2) : 221.

v) Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menghalang perkahwinan.³⁵

Islam amat mclarang perkahwinan di antara wanita muslimah dengan muslim yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suami. Dalam konteks ini, calon suami hendaklah tidak mempunyai kecacatan yang boleh menghalang sesebuah perkahwinan seperti berpenyakit kusta, sakit jiwa, tidak mampu bersetubuh kerana usia lanjut, lemah batin atau mati pucuk. Bahkan dalam hal ini, seseorang isteri dibolehkan memohon cerai sekiranya didapati suaminya mempunyai kecacatan seperti yang tersebut di atas. Ini adalah untuk

³⁵ *Ibid.*, h. 154.

memelihara kesucian seorang isteri dan juga mengelakkannya daripada berbuat serong.

2.3.3) HUKUM-HUKUM KAHWIN

Para ulama telah bersepakat membahagikan hukum kahwin kepada lima bahagian mengikut maslahat dan keadaan.³⁶

i) Wajib

- Bagi orang yang mampu mengadakan naflkah zahir dan batin, ia sangat mengingininya serta takut terjebak ke dalam perbuatan zina jika tidak berkahwin.

ii) Sunat

- Apabila seseorang sudah berupaya untuk memenuhi tanggungjawab rumah tangga, di samping mampu pula mengawal diri sendiri serta terjamin tidak akan terjebak ke lembah maksiat (zina) maka hukum berkahwin ke atasnya adalah sunat.

iii) Haram

- Seandainya seseorang itu menyedari bahawa dirinya tidak berupaya memenuhi tanggungjawab rumah tangga seperti menyediakan nafkah hidup serta tidak pula berupaya memenuhi nafkah batin seperti

³⁶ al-Sayyid Sābiq (1994), *op.cit.*, h. 110-112; Lihat juga al-Šābūnī (1982), *op.cit.*, h. 66.

mencampuri isteri. Juga mempunyai penyakit yang dikhuatiri berjangkit kepada isteri dan zuriatnya.

iv) Makruh

- Seseorang yang tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin, tetapi keadaannya tidak memberi kesan buruk kepada isterinya kerana isterinya seorang yang kaya di samping tidak kuat keinginannya untuk melakukan hubungan kelamin.

v) Mubah

- Merupakan hukum yang asal bagi kahwin, iaitu apabila tidak ada sebab yang mendorongnya atau halangan yang menghalang. Perkahwinan jenis ini dibolehkan kepada mana-mana lelaki yang sudah mampu berumah tangga, tetapi jika tidak berkahwin dirinya tidak akan terjebak kepada sebarang maksiat, malahan dia dapat mengawal dirinya dalam apa jua keadaan.

2.3.4) RUKUN-RUKUN KAHWIN

Rukun-rukun kahwin ada 5 iaitu:³⁷

- Pengantin lelaki**
- Pengantin perempuan**
- Wali**

³⁷ Muhammad al-Khāṭib, al-Syarbīnī (t.t), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3, T.T.P: Dār al-Fikr, h. 139; Lihat juga Mohd. Rosydi Mohd. Yusof (1997), *op.cit.*, h. 46.

Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَيْمَأْ امْرَأَةً تَكْحَتْ بِعَيْنِ
إِذْنٍ وَلَيْهَا فَيَكَاحُهَا بَاطِلٌ فَيَكَاحُهَا بَاطِلٌ فَإِنْ دَخَلَ بَهَا قَلَّهَا
الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَلَ مِنْ فَرْجِهَا فَإِنْ اشْتَحَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَوْلَيْ لَهُ

*Maksudnya: Diriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa Rasulullah s.a.w telah bersahda yang bermaksud: " Mana-mana wanita yang berkahwin tanpa izin walinya, maka perkahwinannya adalah batal (Rasulullah s.a.w mengulanginya sebanyak 3 kali), dan apabila ia telah dicampuri oleh suaminya, maka untuknya mahar kerana telah menghalalkan percampurannya, dan jika para wali enggan, maka sultan (atau wakilnya) menjadi wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali."*³⁸

SYARAT-SYARAT WALI.³⁹

- a) Beragama Islam
- b) Merdeka
- c) Dewasa
- d) Lelaki
- e) Tidak di dalam ihram kerana mengerjakan haji ataupun umrah
- f) Tidak dipaksa untuk menjadi wali.⁴⁰

³⁸ al-Tirmidhī (1981), j. 3, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jāa Lā Nikāh Illā Bi Waliyy , no. hadith. 1102, h. 408; Lihat juga Abū Dāwūd (1981), j. 2, Kitāb al-Nikāh, Bāb Fī al-Waliyy , no. hadith 2083, h. 566.

³⁹ Sulaiman Endut (1999), *Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 30.

⁴⁰ Mat Saad Abd. Rahman (1993) *op.cit.*, h. 25.

iv) Dua orang saksi yang adil.

SYARAT-SYARAT SAKSI.⁴¹

- a) Dewasa (Baligh)
- b) Berfikiran waras (Berakal)
- c) Mendengar dan mengerti akad nikah yang dilakukan
- d) Adil
- e) Lelaki
- f) Merdeka
- g) Beragama Islam
- h) Tidak dipaksa untuk menjadi saksi.⁴²
- i) Tidak di dalam ihram untuk mengerjakan haji atau umrah.⁴³

v) Ijab dan Kabul (Akad).

Sesuatu perkahwinan itu dikira sah apabila diakadkan oleh wali atau wakilnya di hadapan saksi-saksi yang dipersetujui oleh calon suami atau wakilnya. Majlis akad itu juga hendaklah dihadiri oleh kedua belah pihak, iaitu

⁴¹ al- Sayyid Sābiq (1994), *op.cit.*, h. 143

⁴² Mat Saad Abd. Rahman (1993), *op.cit.*, h. 30.

⁴³ *Ibid.*

wali atau wakilnya bagi pihak perempuan dan pengantin lelaki atau wakilnya. Akad juga mestilah terdiri daripada ijab dan kabul.⁴⁴

Ijab merupakan lafaz yang dahulu keluar daripada sebelah pihak (iaitu pihak perempuan) yang menunjukkan keredhaan pihak perempuan menerima lelaki yang akan dikahwininya. Kabul ialah lafaz yang kemudiannya keluar dari pihak lelaki yang menunjukkan penerimaannya dan juga sebagai jawapan dengan tujuan untuk menyempurnakan akad.⁴⁵

SYARAT IJAB DAN KABUL.⁴⁶

- a) Kedua-dua belah pihak (lelaki dan perempuan) telah mumayyiz. Sekiranya salah seorang daripada pasangan gila atau belum cukup umur maka tidak sah akad yang dilakukan. Ijab dan kabul itu berlaku di dalam satu majlis dan tidak dipisahkan oleh lafaz-lafaz lain. Walau bagaimanapun tidak disyaratkan kabul selepas ijab secara langsung atau terus menerus. Maksudnya majlis ijab dan kabul sedang berlangsung dan dalam masa yang sama tidak timbul di antara lafaz ijab dan kabul sebarang percakapan atau tanda yang menunjukkan pembatalan ijab. Apa yang penting ialah perbuatan ijab dan kabul tetap berlaku di dalam satu majlis.

⁴⁴ Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1994), *op.cit.*, h. 176.

⁴⁵ 'Abd al-'Azīz 'Āmir (1984), *Al-Āḥwāl al-Syakhiyyah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah, Fuqahā' wa Qadā' "al-Ziwāj"*, T.T.P: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 30.

⁴⁶ al-Sayyid Sābiq (1994), *op.cit.*, h. 125.

- b) Tidak bertentangan lafaz ijab sepetimana yang dinyatakan di dalam lafaz kabul. Contohnya, bertentangan jumlah mahar di antara lafaz ijab dan kabul.

- c) Hendaklah kedua-dua pihak yang diakadkan mendengar dan memahami lafaz ijab dan kabul.